



**MAJLIS PERBANDARAN MUAR  
IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa dari kalangan Warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Johor Darul Takzim) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :-

1. **SKIM PERKHIDMATAN** : **JURUTERA GRED J41**
  - (a) **KLASIFIKASI** : **KEJURUTERAAN**
  - (b) **KEMENTERIAN / JABATAN** : **MAJLIS PERBANDARAN MUAR**
  - (c) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
  - (d) **GRED** : **J41**
  - (e) **KEKOSONGAN** : **1 (SATU)**
  - (f) **TARAF JAWATAN** : **TETAP**
  
2. **JADUAL GAJI JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM** : RM 2,529.00 - RM 9,643.00
  
3. **SYARAT LANTIKAN**
  1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - a) Warganegara Malaysia;
    - b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
    - d) Berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia.  
**(gaji permulaan pada gred J41: RM 2,529.00)**
    - e) **Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam**
  
4. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
  
5. **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera dan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB29/30, AB36, AB38 dan AB40 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

  - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau  
(ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

## 6. DESKRIPSI TUGAS:

- i. Merancang dan menyemak semua projek pembangunan dan infrastruktur dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Muar.
- ii. Merancang dan memantau penyelenggaraan dan pembaikan ke atas semua bangunan milik Majlis Perbandaran Muar, kemudahan awam dan infrastruktur serta mengawasi aspek kejuruteraan.

## 7. PERMOHONAN

- (a) Pemohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan Perintah Am Bab A Bil.18 di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi 3 tahun terakhir;
- (b) Borang pemohon yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil lahir, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik, transkrip keputusan peperiksaan semua semester dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah;
- (c) Sila kembalikan surat pengiktirafan akreditasi bagi kelayakan Ijazah/Diploma/Sijil yang boleh diakses di laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> dan dilampirkan bersama borang permohonan.
- (d) Permohonan hendaklah disertakan 'video resume' yang berdurasi tidak lebih dari 3 minit dalam bentuk *softcopy*. Garis panduan penyediaan 'video resume' adalah sebagaimana berikut:
  - a) Video tersebut hendaklah menggunakan suara pemohon sebenar.
  - b) Kandungan video tersebut hendaklah merangkumi sebahagian besar perkara-perkara di bawah;
    - i. Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon
    - ii. Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon
    - iii. Ringkasan pengalaman kerja pemohon
    - iv. Pekerjaan / aktiviti terakhir atau semasa pemohon
    - v. Ringkasan pencapaian / anugerah tertinggi pemohon
    - vi. Ringkasan hobi dan kegiatan luar pemohon
    - vii. Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'
    - viii. Ringkasan kelebihan / kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon
    - ix. Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon
    - x. Ringkasan kelemahan / kekurangan pemohon
    - xi. Pemohon digalakkan menghasilkan 'video resume' yang unik dan kreatif.
    - xii. Video hendaklah dihantar melalui email kepada [hr.mpmuar@gmail.com](mailto:hr.mpmuar@gmail.com). Sila pastikan video yang dihantar mempunyai nama pemohon, no. KP dan jawatan yang dipohon.

- (e) **Pemohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah dan tidak mengikut syarat di atas akan ditolak.**
- (f) Sebarang usaha untuk membuat penghantaran dokumen **SELEPAS** borang dihantar / tarikh iklan ditutup **TIDAK AKAN DITERIMA.**
- (g) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ujian bertulis dan temuduga. Mereka yang tidak dihubungi dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian dan temuduga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (h) Sila tulis nama jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada:

YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN MUAR  
KARUNG BERKUNCI NO. 516  
84009 MUAR, Johor  
(u.p. : Bahagian Sumber Manusia)

**8. Tarikh Tutup Permohonan : 21 SEPTEMBER 2024**